

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JANUARY 2017

Dr. Mahathir tidak lagi boleh dipercayai

UM - 24/1/2017

ALOR GAJAH 23 Jan. - Tindak-tanduk Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai 'jaguh pusingan U' khususnya dalam isu pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) membuktikan bekas Perdana Menteri itu tidak lagi boleh dipercayai.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu kini mengeluarkan kenyataan yang berdolak-dalik namun

semua itu dipercayai bertujuan menarik sokongan rakyat menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Katanya, Dr. Mahathir sebelum ini menyatakan BR1M adalah rasuah namun disebabkan bimbang partinya akan mengalami kekalahan pada PRU-14, beliau sanggup mengubah pendirian membayangkan tidak akan menghapuskan bantuan berkenaan jika pembangkang membentuk kerajaan.

"Saya percaya rakyat marah

dengan kenyataan Dr. Mahathir sebelum ini iaitu pemberian BR1M itu rasuah dan disebabkan itu dia kata bantuan tersebut bagus sebab takut kalah pilihan raya.

"Bagi saya, kepala dia sudah tidak betul, dia tidak ikhlas dan penipu besar," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, bekas Dr. Mahathir juga berbohong apabila mendakwa MCA ada membuat permohonan untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri.